

SEKOLAH NUSA LAILA PUTERI, JANGSAK
UJIAN TOPIKAL
BAHASA MELAYU
TATABAHASA
TAHUN 11

Pilih jawapan yang betul sama ada jawapan A,B,C atau D.

1. Harga telefon pintar itu masih tidak _____ walaupun telah lama berada dalam pasaran.
A. sedikit-sedikit
B. turun-turun
C. nipis-nipis
D. laris-laris
2. Pembedahan pintasan jantung itu dilakukan oleh _____ perubatan di Institut Jantung Negara.
A. pakar-pakar
B. hebat-hebat
C. handal-handal
D. wakil-wakil
3. _____ yang dijual di pasar awam itu segar dan murah.
A. Kupu-kupu
B. Gula-gula
C. Anai-anai
D. Ikan-ikan
4. Buku kakak di atas meja itu _____ belaka.
A. kuat-kuat
B. tebal-tebal
C. kurus-kurus
D. gemuk-gemuk
5. _____ yang ditunjukkan oleh peserta gimrama itu sungguh menarik dan mengagumkan.
A. Mana-mana
B. Siapa-siapa
C. Cara-cara
D. Aksi-aksi

6. Beberapa _____ jalan raya terpaksa ditutup akibat banjir kilat yang berlaku dalam masa yang singkat.

- A. biji
- B. buah
- C. baris
- D. batang

7. Pihak polis telah menjumpai dua _____ beg yang mengandungi duit palsu semasa meyerbu rumah pengedar dadah itu.

- A. keping
- B. buah
- C. bidang
- D. helai

8. Beberapa _____ gigi Azman telah patah kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya tempoh hari.

- A. biji
- B. batang
- C. keping
- D. bentuk

9. Puan Kalsom menyidai beberapa _____ pakaian pada ampaian itu supaya cepat kering.

- A. helai
- B. keping
- C. batang
- D. potong

10. Zalina membeli se _____ surat khabar dan dua _____ buku cerita di kedai buku itu.

- A. naskhah.....buah
- B. keping.....buah
- C. helai.....naskhah
- D. naskhah.....helai

11. Syabas, akhirnya kamu berjaya mendapat keputusan cemerlang!

- A. Ayat Tanya
- B. Ayat Penyata
- C. Ayat Perintah
- D. Ayat Seruan

12. Ayah saya bekerja sebagai seorang polis.

- A. Ayat Seruan
- B. Ayat Perintah
- C. Ayat Penyata
- D. Ayat Tanya

13. Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang aman damai.

- A. Ayat Perintah
- B. Ayat Tanya
- C. Ayat Seruan
- D. Ayat Penyata

14. "Jangan ambil barang yang bukan kepunyaan kamu." kata ibu kepada adik.

- A. Ayat Seruan
- B. Ayat Penyata
- C. Ayat Tanya
- D. Ayat Perintah

15. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk mengukus kuih kelupis?

- A. Ayat Seruan
- B. Ayat Penyata
- C. Ayat Tanya
- D. Ayat Perintah

Tukarkan cakap ajuk kepada cakap pindah (soalan 16-20)

16. "Saya memilih majalah Pelita Bahasa kerana isi kandungannya menarik," kata Rizal.

- A. Rizal menjelaskan bahawa majalah Pelita Bahasa menjadi pilihannya kerana isi kandungannya menarik.
- B. Kerana tertarik oleh isi kandungannya, maka Rizal membeli majalah Pelita Bahasa.
- C. Isi kandungan Pelita Bahasa telah menarik perhatian Rizal untuk membelinya.
- D. Rizal mencadangkan agar majalah Pelita Bahasa dipilih kerana isi kandungannya menarik.

17. "Ceritakanlah masalah kamu itu. Mungkin saya dapat menolong kamu, Liana," kata Sarina.

- A. Sarina meminta Liana menolongnya menyelesaikan masalah yang dihadapinya.
- B. Sarina meminta Liana menceritakan masalah yang dialaminya mudah-mudahan dia dapat membantu Liana.
- C. Sarina memaksa Liana menceritakan masalah yang dihadapinya kerana dia hendak menolong Liana.
- D. Sarina menasihati Liana agar menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

18. "Min, tolong berikan kad ucapan hari jadi ini kepada Moon," kata Salmi.

- A. Min berharap agar Moon dapat memberikan kad ucapan hari jadi kepada Salmi.
- B. Salmi meminta pertolongan Min supaya menghantar kad ucapan hari jadi kepada Moon.
- C. Salmi meminta agar Min dapat menyampaikan ucapan hari jadi kepada Moon.
- D. Salmi menyampaikan agar Min meminta ucapan hari jadi kepada Moon.

19. "Saya hendak berjumpa dengan awak esok," kata Encik Rizal kepada Zaki.

- A. Encik Rizal memberitahu Zaki bahawa dia hendak berjumpa dengan saya pada hari esok.
- B. Encik Rizal memberitahu Zaki bahawa dia hendak berjumpa dengannya pada keesokan harinya.
- C. Encik Rizal mengingatkan saya dan Zaki supaya berjumpa dengannya pada keesokan harinya.
- D. Encik Rizal mengingatkan Zaki supaya berjumpa dengannya pada keesokan harinya.

20. "Ayah dan ibu saya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun ini, "kata Hakim kepada Faizul.

- A. Hakim dan Faizul memberitahu tentang ayah dan ibu saya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun ini.
- B. Hakim dan Faizul diberitahu bahawa ayah ibu saya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun itu.
- C. Faizul memberitahu Hakim bahawa ayah dan ibu saya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun itu.
- D. Hakim memberitahu Faizul bahawa ayah dan ibunya akan menunaikan haji di Mekah pada tahun ini.

Tukarkan ayat aktif kepada ayat pasif (soalan 21-25)

21. Mereka tidak dapat menjelaskan hutang sebelum hujung bulan ini.

- A. Hutang tidak dapat jelaskan mereka sebelum hujung bulan ini.
- B. Mereka tidak dapat jelaskan sebelum hujung bulan ini.
- C. Hutang tidak dapat dijelaskan oleh mereka sebelum hujung bulan ini.
- D. Mereka tiada dapat jelasi hutang sebelum hujung bulan ini.

22. Encik Sofiah membuat pinjaman bank untuk menjalankan projek penternakan ikan air tawar.

- A. Pinjaman bank Encik Sofiah buat untuk menjalankan projek penternakan ikan air tawar.
- B. Pinjaman bank dibuat oleh Enik Sofiah untuk menjalankan projek penternakan ikan air tawar.
- C. Projek penternakan ikan air tawar dijalankan untuk Encik Sofiah membuat pinjaman bank .
- D. Projek penternakan ikan air tawar Encik Sofiah jalankan dengan membuat pinjaman bank.

23. Saya telah menerima surat pelantikan sebagai jurulatih bola sepak pasukan sekolah kamu.

- A. Surat pelantikan sebagai jurulatih bola sepak pasukan sekolah kamu telah diterima oleh saya.
- B. Saya telah terima surat pelantikan sebagai jurulatih bola sepak pasukan sekolah kamu.
- C. Surat pelantikan sebagai jurulatih bola sepak pasukan sekolah kamu telah saya terima.
- D. Surat lantikan saya terima sebagai jurulatih bola sepak pasukan sekolah kamu.

24. Saya telah memasak lauk ikan untuk ayah.

A. Lauk ikan telah saya masak untuk ayah.

B. Lauk ikan telah dimasak oleh saya untuk ayah.

C. Saya telah masak lauk ikan untuk ayah.

D. Saya masak lauk untuk ayah.

25. Setiap petang Jumaat kami akan membersihkan taman sains di belakang sekolah.

A. Taman sains dibelakang sekolah akan dibersihkan oleh kami setiap petang Jumaat.

B. Taman sains di belakang sekolah akan kami bersihkan setiap petang Jumaat.

C. Kami akan membersihkan taman sains di belakang sekolah.

D. Kami bersihkan di belakang sekolah setiap petang jumaat taman sains.